

10/04/1997

KL-Islamabad wajar wujud perkongsian

ISLAMABAD, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia dan Pakistan perlu mewujudkan perkongsian dengan menggunakan kelebihan masing-masing bagi faedah kedua-dua pihak.

Perdana Menteri berkata, ada bidang yang Pakistan mempunyai kepakaran yang boleh digabungkan dengan kekuatan yang dibina oleh Malaysia sejak beberapa tahun bagi mewujudkan usaha sama secara dua hala atau dirancang dengan pihak ketiga.

"Kedua-dua negara saling sesuai untuk dijadikan pintu masuk ke rantau satu sama lain," katanya pada jamuan negara oleh Perdana Menteri Pakistan, Nawaz Sharif, sempena lawatan beliau ke sini.

Dr Mahathir tiba di sini dari Bahrain untuk lawatan sehari.

Perdana Menteri disertai delegasi 50 anggota termasuk ahli perniagaan. Turut sama dalam delegasi itu Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed dan Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

Dr Mahathir berkata, Malaysia boleh menjadi pintu masuk bagi produk Pakistan ke Asia Timur manakala Pakistan pula sebagai pintu masuk barangan keluaran Malaysia ke benua kecil India dan Komanwel Negara-negara Merdeka (CIS).

Dr Mahathir berkata, Pakistan adalah pengimport utama minyak sawit dan produk minyak sawit Malaysia.

Tahun lalu saja, Pakistan mengimport kira-kira 1.16 juta tan atau 84.9 peratus daripada keseluruhan eksport Malaysia ke Pakistan.

Dr Mahathir berharap Pakistan bukan saja dapat meneruskan import minyak sawit dari Malaysia, tetapi kedua-dua negara dapat berusaha ke arah mengadakan produk tambah nilai daripada minyak sawit untuk dieksport ke pasaran baru di republik Asia Tengah.

Mengenai kerjasama teknikal, menurutnya, banyak ruang bagi kedua-dua pihak meningkatkannya, sambil berkata, bahawa sejak 1982, seramai 122 rakyat Pakistan mengikuti pelbagai skim latihan mengikut program kerjasama teknikal Malaysia.

Pakistan pula katanya, memberi sumbangan dalam pelbagai sektor di Malaysia terutama di bidang pembinaan, perkilangan dan perladangan.

Perdana Menteri juga berkata, Malaysia mengalami kekurangan doktor dan jururawat dan akan terus mengalu-alukan doktor dan pakar serta jururawat dari Pakistan.

Menurutnya, setakat ini, sembilan syarikat Malaysia melabur dalam industri mencari gali minyak dan gas di Pakistan, pelabuhan, pemasangan telekomunikasi dan tayar.

Malaysia juga katanya, menyambut baik penyertaan Pakistan dalam dialog sektoral dengan Asean dalam bidang perdagangan dan pelaburan, pelancongan, pembangunan sumber manusia, pencegahan pengedaran dadah, sains, teknologi dan alam sekitar. - Bernama

(END)